


## ULASAN BUKU



**Petua : Dari Meja Penulis**  
[Gelang Patah, Johor] : Tabir Alam, 2019.  
ISBN: 9789671650165

## ULASAN

Inisiatif menerbitkan koleksi petua melalui Siri Penerbitan Tabir Alam menyumbang petua-petua daripada pengalaman 36 penulis yang terlibat dalam menayakan penerbitan buku ini. Buku kecil ini memuatkan sebanyak 108 petua dan cara mengatasi sesuatu masalah yang dihadapi dalam kehidupan seharian.

Ciri-ciri anatomi buku *Petua : Dari Meja Penulis* ini dihasilkan berkulit lembut dalam 112 halaman dan ketinggian 23 cm. Buku ini ditulis atas kertas simili. Kulit depan buku mengandungi maklumat judul dan maklumat penyelenggara penerbitan. Kulit belakang mengandungi maklumat ISBN (International Standard Book Number) *barcode* maklumat penerbit dan logonya. Tetulang buku pula mengandungi maklumat judul dan penerbit. Namun, pengulas mendapati tiada indeks dan senarai bibliografi bahan rujukan bagi memudahkan pembaca membuat rujukan.

Penulis menggunakan laras bahasa umum dan menyampaikan fakta dengan cara yang mudah difahami. Pengulas mendapati dari sudut ortografi, buku ini ditulis menggunakan bahasa Melayu yang betul namun dikenalpasti terdapat beberapa kesalahan ejaan.

Buku seperti ini jarang ditulis namun petua-petua ini wajar diketengahkan kepada pengetahuan umum agar menjadi panduan dalam menyelesaikan masalah dalam kehidupan. Petua-petua yang dinukilkan dalam buku ini mudah difahami dan mudah dipraktikkan. Selain itu juga, bahan-bahan untuk kegunaan menurut petua ini juga mudah didapati.

Petua-petua dalam buku ini menyentuh penyelesaian bagi masalah penjagaan kesihatan, kebersihan persekitaran rumah, penjagaan tanaman dan petua dalam masakan. Antara petua penting dalam menangani masalah kesihatan ialah mengatasi masalah demam, batuk, sakit perut, meredakan bisul dan lain-lain. Manakala petua bagi mengatasi masalah penjagaan persekitaran rumah adalah seperti petua mengatasi lipas, peti sejuk berbau, menghindarkan semut, menghindarkan kucing kencing merata dan sebagainya. Di samping itu juga, petua penjagaan tanaman yang disebut ialah menghasilkan pokok sentiasa berbunga, menyuburkan tanaman dan cara menjaga tanaman. Manakala petua dalam masakan yang disebut dalam buku ini adalah seperti mengatasi masalah nasi mentah, melembutkan daging, menghilangkan bau hanyir ayam dan ikan dan sebagainya.

Buku ini mampu memberi kesan mendalam kepada pembaca yang mengamalkan petua yang dinyatakan. Terbitan karya ini bukan hanya sekadar bahan bacaan malah ia mampu memperturunkan petua dan ilmu tradisional kepada pembaca dalam menjalani kehidupan seharian. Selain itu, diharap pembaca mampu menceduk kekuatan dari kegigihan dan semangat kumpulan penulis ini yang berusaha bergabung dalam menghasilkan penulisan yang amat bermanfaat untuk generasi masa kini dan akan datang.

Pengulas

Nasimah binti Badaruddin  
Timbalan Pengarah Kanan  
Pusat Penyerahan Terbitan Negara  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



AYDA ARIANNA  
**Puaka Bundle**  
Kuala Lumpur: Penerbit X, 2019.  
ISBN: 978-967-369-397-9

## ULASAN

Pakaian *bundle* merupakan pakaian terpakai yang juga dikenali sebagai *vintage* dan mempunyai kelompok peminatnya tersendiri. Bagi penggemar pakaian sebegini, ada dalam kalangan mereka yang menjadikan pengumpulan pakaian *bundle* sebagai salah satu bentuk hobi. Namun begitu, adakah pakaian terpakai yang dijual di kedai *bundle* itu selamat untuk dipakai? Buku *Puaka Bundle* ini menceritakan kisah-kisah mistik yang dialami oleh penggemar dan pengumpul tegar pakaian *bundle*.

Buku yang dihasilkan berdasarkan kisah benar ini menceritakan mengenai pakaian *bundle* yang merasuk si pemakainya. Penulis menggemari karya-karya seram dan sepanjang pengalaman berguru bersama suaminya, Saidee Nor Azam yang juga merupakan penulis novelis seram telah mencetuskan minat yang lebih mendalam untuk menghasilkan naskhah pertama seram beliau. Buku ini amat menarik untuk dibaca dan sesuai dibaca bagi peringkat remaja dan ke atas.


Buku yang berbentuk 16 bab ini telah menceritakan kejadian aneh si pemakai yang terjadi setiap kali membeli baju *bundle* yang dijual oleh Pak Long di kedainya di kawasan Bangsar. Kedai *bundle* itu diurus bersama anak saudaranya, Amri dan Ismail merangkap pekerja di dalam kedai tersebut. Kisah bermula dengan Razmie, iaitu seorang penggemar pakaian *vintage* yang sangat meminati kumpulan band rock klasik *Gun N' Roses* telah tertarik dengan sehelai baju yang tergantung di dalam bingkai kayu. Kejadian aneh dan ngeri mula menimpa Razmie setelah dia membeli baju tersebut. Sorotan dari kisah Razmie itu telah mengungkap satu demi satu misteri yang terjadi apabila Amri turut mengalami kejadian aneh semasa memeriksa pakaian *bundle* yang baru diterima di dalam setor. Sementelahan itu juga, Ismail telah diberhentikan kerja serta-merta membuatkan Amri terpaksa bekerja di kedai tersebut seorang diri sehingga larut malam. Di samping itu, Pak Long juga tidak terkecuali diganggu oleh satu lembaga hitam semasa memunggah pakaian-pakaian yang baru tiba yang ingin dijual di dalam kedainya. Rosli yang juga rakan sekampung Amri yang baru menyewa bersama di rumah Amri juga turut mati dalam keadaan mengerikan setelah membeli baju *bundle* di kedai Pak Long itu. Berkisar dengan beberapa kejadian aneh yang menimpa Razmie, Amri dan Rosli itu telah membawa kepada rahsia di sebalik baju *bundle* yang ada di dalam kedai Pak Long.

Buku ini mempunyai daya tarikannya yang tersendiri di mana, ia dapat dilihat apabila penulis bijak menghuraikan jalan cerita yang menarik dengan sorotan unsur-unsur suspen dalam setiap kisah penceritaan. Garapan penulisan dengan penggunaan ayat yang mudah dibaca membuatkan pembaca juga turut sama dapat berimajinasi dengan lebih jelas babak yang diceritakan oleh penulis. Sepanjang penceritaan buku ini, penulis bijak menyusun dan mengetengahkan unsur suspen dan ngeri supaya menampakkan lagi keadaan yang seram, ngeri dan *real* dalam sesuatu babak yang ingin disampaikan kepada pembaca. Tambahan lagi, kaedah penyampaian penulis yang mudah difahami dan jalan cerita yang tersusun membuatkan keseluruhan penceritaan cerita ini menjadi rapi dan baik. Buku ini sangat disyorkan untuk dibaca oleh pembaca yang amat menyukai bacaan genre misteri atau angker.

Pengulas:

**Adam Zulkarnain**  
Penolong Pengarah  
Bahagian Pembangunan Penyelidikan  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



ABDUL LATIP TALIB  
**Maharaja Napoleon Bonaparte: Jatuhnya  
Sebuah Empayar**  
Batu Caves, Selangor: PTS Publishing House,  
2016.  
ISBN: 9789674116354

## ULASAN

Naskah novel sejarah **Maharaja Napoleon Bonaparte: Jatuhnya sebuah empayar** memaparkan kehebatan dan kebijaksanaan Konsul Pertama Kerajaan Peranchis mentadbir negara bermula November 1799. Walaupun beliau dikelilingi ancaman musuh dalam kalangan royalis bangsawan yang diketuai oleh *Saint-Reageant* dan menyokong kuat Raja *Louis Antoine*, namun ia berjaya diatasi. Rancangan terperinci oleh watak-watak pemberontak yang merancang pembunuhan Napoleon digambarkan melalui dialog-dialog yang diolah menjadi plot cerita yang tersusun dan disokong melalui fakta tarikh sebagai pelengkap kajian. Penulis juga menceritakan bagaimana kehidupan Napoleon Bonaparte untuk tempoh 15 tahun bermula dari tahun 1800-1815 iaitu sehingga berakhirnya kehidupan beliau sebagai pemerintah Peranchis.

Sepanjang 15 tahun bergelar Maharaja Peranchis pembaca dapat mengetahui begitu banyak pergolakan politik dalaman dan luaran yang dihadapinya melibatkan pelbagai kuasa negara-negara Eropah yang lain. Namun kehebatan

beliau merencana setiap taktik dan strategi perang sehingga berjaya menjadikan Peranchis sebagai kuasa ketenteraan paling kuat di Eropah dan digeruni oleh British, Russia, Prussia, Austria, Portugal, Spanyol, Sweden dan lain-lain. Manakala perseteruan antara Peranchis dan Britain dalam menguasai dunia digarap oleh penulis melalui kronologi tarikh peristiwa. Gaya penulisan buku melalui penggunaan bahasa fiksyen dengan banyak dialog diungkapkan dalam kronologi penceritaan oleh penulis menjadikan kita lupa bahawa buku ini adalah novel sejarah. Ketegangan antara Peranchis dan Britain digambarkan melalui Perjanjian *Amiens* dan pertempuran Trafalgar.

Maharaja Napoleon juga telah memerangi gabungan Austria dan Russia pada pertempuran *Austerlitz* atau dikenali pertempuran Tiga Maharaja. Kewibawaan beliau mengatur strategi di medan tempur begitu terserlah melalui helah yang dirancang sehingga pihak musuh terperangkap dan mengaku kalah. Plot tindakan Napoleon Bonaparte menamatkan riwayat Putera Eughien's selepas dibicarakan pada 21 Mac 1804 berikutan dituduh merancang komplot pembunuhan Konsul Pertama ini, menjadi titik tolak kepada kebangkitan Royalis. Walau bagaimanapun penentangan ini tidak berhasil kerana kebijaksanaan Napoleon Bonaparte telah menawan hati rakyat Peranchis sehingga dilantik sebagai Maharaja. Berdasarkan pemerhatian oleh pembaca, Napoleon Bonaparte adalah seorang yang cintakan kedamaian, namun musuh-musuh di Eropah seperti Russia dan Prussia sering menganggap Peranchis sebagai ancaman. Salam perdamaian yang dihulurkan seringkali dibalas dengan provokasi perang sehingga memaksa Peranchis bertempur demi kedaulatan dan maruah.

Perkembangan plot kronologi bermula dengan ketegangan dalam Peranchis selepas Napoleon Bonaparte dipilih oleh rakyat sebagai Maharaja. Fasa kedua mendedahkan perseteruan antara Peranchis dan Britain untuk muncul sebagai kuasa utama di Eropah. Manakala fasa ketiga menonjolkan kekuatan Peranchis sebagai kuasa tentera setelah menumpaskan musuh-musuhnya dari Austria, Russia, Prussia, Portugal dan Spanyol. Era permusuhan Peranchis dan Spanyol bermula berikutan rasa tidak puas hati rakyat Sepanyol yang tidak menyenangi



tindak tanduk Napoleon Bonaparte walaupun pada awalnya kedua-dua negara ini adalah sekutu.

Kehidupan Napoleon juga dikelilingi oleh wanita-wanita yang dicintai bermula dengan Josephine sebagai isterinya, hubungan sulit dengan Maria Walewski isteri bangsawan Poland bagi memastikan Poland tidak jatuh ke tangan Russia dengan bantuan Peranchis. Manakala Marie-Louise dikahwini bagi mendapatkan zuriat dan pewaris. Napoleon Bonaparte telah menceraikan isterinya Maharani Josephine de Beauharnais pada tahun 1810. Demi mendapatkan pewaris beliau mencari isteri baharu dan Dewan Penasihat memainkan peranan dalam memilih bakal isteri kepada Maharaja Peranchis itu. Tiga calon isteri telah dikemukakan oleh Dewan Penasihat namun Napoleon Bonaparte telah memuktamadkannya dengan memilih Puteri Marie-Louise.

Russia dilihat kecewa kerana Napoleon tidak mengahwini adik bongsu Raja Tsar Alexander demi mengukuhkan lagi perikatan antara Russia-Peranchis. Malah Russia berpandangan perikatan yang ditandatangani melalui Perjanjian Tilsit tidak menyumbang kepada pembangunan ekonomi Russia. Britain yang melihat situasi berkenaan telah mengambil peluang mendekati Tsar Alexander untuk mempengaruhi agar Russia bersekutu dengannya untuk mengancam kekuasaan Peranchis di Eropah. Keadaan ini menaikkan kemarahan Napoleon dan bersedia memerangi Russia.

Penulis banyak memaparkan strategi perang yang direncanakan oleh Peranchis, Britain, Russia, Austria, Spanyol dan lain-lain dalam menggarapkan penceritaan di medan perang setiap kali peperangan tercetus dalam kalangan mereka. Bab 29 dan 30 merupakan klimaks kepada isi kandungan naskhah ini. Dalam keyakinan menyerang Russia, namun percaturan Peranchis akhirnya menemui kegagalan walaupun pada awalnya Russia hampir tewas. Keengganan Napoleon mendengar pendapat pegawai-pegawai tenteranya dan berdendam menghancurkan Russia nyata menjerat keangkuhan Peranchis yang kehilangan ramai tenteranya walaupun tidak tewas. Lebih malang ketuanan Peranchis di Sepanyol turut tumbang setelah abangnya Joseph Bonaparte gagal

mempertahankan Sepanyol dari Britain. Kekuasaan Perancis terus dicabar apabila Austria, Sweden, Prusia telah berpaling tadah kepada Britain untuk menentang Perancis. Gabungan tentera Russia, Prussia dan Austria telah berjaya mengempur Paris pada tahun 1812 dan menjatuhkan Napoleon dari tampuk pemerintahan Perancis. Napoleon Bonaparte telah dibuang negeri ke Pulau Elba, Itali bagi meneruskan kehidupannya. Napoleon kembali bangkit setelah berjaya melepaskan diri dari kawalan ke atasnya di Pulau Elba. Kepulangan beliau ke Paris telah disambut oleh rakyat bawahan Perancis yang masih menyokongnya. Beliau kembali mengatur strategi untuk memerangi musuh-musuhnya dengan bantuan pegawai-pegawai tenteranya yang berpengalaman luas di medan tempur.

Namun Perang Waterloo menjadi titik nokhtah kepada kekuasaan Napoleon berikutan kekalahan yang dialami kepada Tentera Gabungan. Disebalik keangkuhan Napoleon masih tersemat sikap tanggungjawab Napoleon terhadap rakyat Perancis. Beliau enggan melihat pertumpahan darah berlaku demi mempertahankan takhta, sebaliknya memilih untuk turun takhta seperti mana yang dituntut oleh Dewan Senat Perancis. Takhta kerajaan Perancis dikembalikan kepada Raja Louis XVIII, manakala Napoleon Bonaparte telah dibuang dan diasingkan ke St. Helena oleh pihak Briain sebagai hukuman tawanan perang. Setelah enam (6) tahun diasingkan dari dunia luar, Napoleon Bonaparte meninggal dunia pada tahun 1821.

Pengulas:

**Mohamad Zaki bin Yusof**

Ketua Pustakawan

Perpustakaan Pejabat Ketua Pendaftar

Mahkamah Persekutuan Malaysia

Istana Kehakiman, Putrajaya

## ULASAN BUKU



JAMAL SIFUFBADS  
**#On9branding**  
**Branding Bukan Sekadar Nama**  
Sungai Besi, Kuala Lumpur : Sifufbads Sdn. Bhd.  
Publication, 2018.  
ISBN: 9789671468272

## ULASAN

SifuFbads bukan nama terasing di Malaysia. Syarikat yang masyur dengan mengadakan latihan pemasaran *online* bagi usahawan di Malaysia sejak 2008 lagi. Kisah hidup pengasas Sifufbads iaitu saudara Jamal memulakan bicara buku *On9branding*. Beliau bermula sebagai usahawan *online* sejak 2008 semasa menjawat jawatan sebagai penjawat awam di Jabatan Kerja Raya. Pada awalnya beliau terpalit dalam perniagaan *online* ini adalah kerana tekanan hutang dan desakan hidup di Kuala Lumpur yang tidak mampu lagi ditanggung oleh beliau. Desakan inilah menyebabkan beliau mencari jalan dan cuba mencari peluang untuk mulakan perniagaan. Setelah banyak kali mencuba dan mencari ilmu, akhirnya beliau berjaya menghasilkan *ebook* pertama dan mendapat jualan hingga lima (5) angka. Kejayaan ini bukan setakat itu sahaja, beliau berusaha lagi dengan mencipta *ebook* kedua seterusnya sehingga *ebook* yang ketujuh. Kesemuanya menghasilkan pendapatan lumayan hingga mencecah enam (6) angka setiap kali jualan. Bermula dari situlah Jamal Sifufbads mula dikenali ramai dan sentiasa menjadi perhatian apabila berjaya menjadi Juara *Affiliate* program

anjuran Patric Chan pada tahun 2011. Tidak berhenti di situ sahaja, beliau juga telah mengambil inisiatif untuk membantu usahawan yang ingin berjaya seperti beliau dengan mengadakan seminar dari sepuluh (10) orang hinggalah 5,000 orang peserta dalam satu masa. Jamal Sifufbads juga pakar dalam bidang blog dan *email marketing* yang menjadi aset penting bagi seorang usahawan *online*. Ini kerana bidang itu adalah nadi utama dalam mengumpul data pelanggan untuk menghasilkan jualan berulang kali kepada pelanggan yang setia.

Buku berjudul *#On9branding : Branding* bukan sekadar nama ini benar-benar bertepatan dengan judul yang diberikan. Buku ini tidak berkisar tentang penulis sahaja tetapi lebih menjelaskan tentang bagaimana untuk menjenamakan perniagaan ke tahap lebih tinggi dan menghasilkan jualan sehingga tujuh (7) angka. Penulis juga banyak berkongsi langkah yang perlu dibuat untuk menjenamakan perniagaan usahawan

Penulis menyampaikan maklumat penjenamaan ini dalam bentuk panduan dan langkah demi langkah. Oleh sebab itu, pembaca dapat lebih memahami dan mudah untuk mempraktis apa yang diajar dalam buku ini. Setiap perkara yang ingin disampaikan oleh penulis, banyak menggunakan bahasa anak muda dan ringkas tanpa menggunakan sebarang ayat kiasan. Walaupun buku ini penuh dengan maklumat teknikal, penulis turut menyokong setiap penceritaan dengan fakta-fakta, gambar, contoh dan statistik yang terperinci.

Antara isi yang dapat menarik pembaca adalah penyediaan *fanpage* yang berkuasa tinggi dan *content* yang berpengaruh. Contoh-contoh ayat berpengaruh juga ada diberi contoh supaya pembaca dapat memahami bagaimana *content* tersebut dimaksudkan. Selain itu, tajuk membina *engagement* yang mencipta *relationship* juga menarik untuk dibaca dan diberi perhatian kerana penulis berkongsi pengalaman bagaimana menjaga hati pelanggan demi *long term* perniagaan usahawan

Penulis menyarankan pembaca yang meminati perniagaan *online*, buku ini juga menyebut dan menjelaskan teknik menarik pelanggan menggunakan teknik

*followup* dan bina *relationship brand* dengan menggunakan pengaruh *instafamous* serta *social influencer*.

Buku ini sebenarnya bukan merupakan buku biografi Jamal Sifufbads. Buku ini berkaitan pemasaran *online* yang boleh dijadikan panduan kepada usahawan *online*. Pelbagai lagi strategi yang didedahkan oleh penulis yang khalayak tidak mengetahuinya, namun ia amat mudah difahami jika biasa dengan strategi perniagaan *online* dan agak sukar untuk difahami jika baru berjinak dalam perniagaan *online* ini.

Penulis juga menggambarkan strategi *branding* ini mampu memberi impak besar dalam perniagaan seseorang kerana ia adalah nadi utama untuk menonjolkan kredibiliti perniagaan hingga dikenali ramai. Penekanan kepada strategi blog dan *website* sangat diberi perhatian oleh penulis kerana ia adalah tempat untuk berkongsi ilmu dan maklumat yang cepat. Kedua-dua alat pemasaran ini memang diwajibkan ada pada usahawan kerana menonjolkan lagi *brand* mereka bukan sekadar di dalam negara tetapi boleh mencapai jauh ke luar negara. Contoh blog dan *website* yang dikongsikan oleh penulis amat kemas dan mudah untuk dibaca sebagai rujukan.

Pada pendapat pengulas, bab 3 merupakan antara bab yang penting untuk disentuh kerana di sinilah terjawabnya persoalan kenapa perlu kepada *branding* dalam perniagaan *online*? Dalam bab ini juga pembaca dapat mengetahui bagaimana untuk memastikan *brand* yang ada dapat disebar di semua platform *online* dengan cara mudah dan cepat. Warna *brand* juga ditekankan oleh penulis supaya mudah dilihat dan menarik dipandang. Tak lupa juga logo memainkan peranan dalam perniagaan *online* supaya pelanggan akan ingat dan tahu siapa pemilik logo tersebut.

Membina *followers*, *subscribers*, *database* adalah syarat utama yang perlu ada dalam perniagaan *online*. Pakar ada mengatakan *Database is KING!*, *Database* sebenarnya adalah e-mel, nombor telefon dan alamat. Sesuatu *brand* juga dinilai melalui jumlah *followers*, *subscriber* atau *database*. Semakin besar jumlah


*followers* sesuatu *brand* semakin tinggi reputasinya. Memiliki *followers* yang besar boleh memberi *awareness* yang konsisten kepada mereka dan boleh menjimatkan kos untuk tujuan *branding*. *Brand* seperti Lazada, Zalora, Shopee, Starbucks adalah contoh *brand* yang boleh dijadikan rujukan dalam perniagaan dan secara tidak langsung dapat belajar menerusi apa yang mereka lakukan untuk naikkan *brand* mereka.

Pengulas mengesyorkan kepada pembaca yang meminati pemasaran *online* dan juga *branding*, bolehlah membaca buku ini untuk dijadikan panduan dalam perniagaan *online*. Buku ini juga tidak berbentuk teknikal semata-mata kerana penulis merujuk beberapa sumber dan pengalaman beliau serta anak didik sendiri bagi menguatkan fakta-fakta yang diberikan dalam buku ini. Tambahan pula, buku ini sesuai dibaca pada semua peringkat usia terutama mereka yang terlibat atau minat dalam perniagaan kerana cara penyampaiannya yang mudah difahami.

Pengulas:

**Wan Azuan Shah bin Wan Mohamed**  
Pustakawan Kanan  
Jabatan Alam Sekitar

## ULASAN BUKU



SAMSUDIN A. RAHIM & CHONG SHEAU  
TSUEY  
**Generasi Milenium Malaysia:  
Menangani Perubahan dan Ketidaksamaan**  
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan  
Malaysia, 2019.  
ISBN: 9789674127152

## ULASAN

Generasi Millennium di Malaysia merujuk kepada generasi muda yang lahir antara tahun 1980an dan 2000. Perjalanan hidup generasi ini dipengaruhi oleh revolusi dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi dalam mengharungi arus globalisasi. Gaya hidup mereka lebih tertumpu kepada aktiviti yang menggunakan peralatan teknologi terkini yang canggih.

Buku berjudul *Generasi Milenium Malaysia: Menangani Perubahan dan Ketidaksamaan* membicarakan isu utama dalam pembangunan generasi muda di Malaysia. Kandungan buku ini berdasarkan hasil daripada keseluruhan data menerusi projek Skim Penyelidikan Geran Jangka Panjang yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia di bawah tajuk 'Belia dalam Komuniti Terpinggir: ke arah Penjana Semula Pembangunan Belia'. Penyelidikan ini menfokuskan kepada generasi muda yang tinggal di kawasan terpinggir dan sebanyak 5,237 sampel digunakan untuk tujuan analisis.

Penulis mengemukakan isu dan cabaran yang perlu dihadapi oleh generasi milenium di Malaysia. Pengalaman yang dilalui oleh generasi milenium ini amatlah berbeza dengan generasi ibu bapa mereka ketika muda. Transformasi yang berlaku kepada dunia mewujudkan cabaran baharu yang tidak pernah dilalui oleh generasi sebelum ini. Justeru adalah tidak adil untuk menyamakan proses yang berlaku ketika zaman dahulu dengan perubahan zaman sekarang.

Buku ini bersandarkan kepada fakta di dalam kajian bagi mengupas dilema yang perlu dihadapi oleh generasi milenium dari zaman mereka lahir hinggalah ke alam pekerjaan dan perkahwinan. Ledakan digital dan internet dilihat menjadi faktor utama yang mempengaruhi semua aspek kehidupan generasi ini. Antaranya, penggunaan internet bagi mendapatkan sumber dan berita. Hal ini sedikit merisaukan kerana kebanyakan sumber dari internet adalah tidak sahih. Kebergantungan dari sumber ini menyebabkan kekeliruan dalam proses pembelajaran mereka.

Penulis juga menggariskan beberapa cabaran yang perlu dihadapi di dalam pembinaan kerjaya. Antaranya ialah penguasaan kemahiran, pengekalan dalam kerjaya dan persaingan dengan pekerja warga asing. Di dalam kehidupan yang bergantung kepada penggunaan teknologi, penguasaan kemahiran di dalam bidang digital dan ICT menjadi keutamaan dalam alam pekerjaan. Cabaran yang besar dihadapi oleh mereka yang tinggal di pedalaman adalah akses mendapatkan kemahiran ini. Selain itu, generasi milenium juga dilihat kerap bertukar kerjaya yang menyebabkan pembentukan kepakaran di dalam sesuatu bidang terbantut. Di dalam sektor 3D (Dirty, Difficult and Dangerous), pekerja asing dilihat memonopoli bidang perkerjaan ini. Ini disebabkan kesanggupan mereka menghadapi sektor pekerjaan yang sukar ini.



Pada pandangan penulis dari aspek hubungan antara kaum, usaha untuk mencapai perpaduan antara kaum amat sukar bagi generasi milenium. Ini kerana terdapat beberapa isu yang masih gagal diselesaikan seperti kekangan bahasa, perbezaan budaya dan agama. Cabaran dari segi ekonomi pula dilihat masih lagi tidak selesai walaupun pelbagai usaha dilakukan oleh pihak kerajaan. Kesemua isu ini menjadi masalah dalam mewujudkan interaksi yang harmoni. Selain itu, globalisasi juga memberi impak besar. Masyarakat kini lebih terdedah dengan budaya asing yang songsang yang bakal menyebabkan hilangnya nilai-nilai murni.

Pengulas mengesyorkan kepada semua pembaca yang ingin mengetahui dan memahami gaya hidup dan cabaran yang perlu dihadapi oleh semua generasi muda bagi mendapatkan sedikit keselesaan dalam hidup. Buku ini sesuai untuk ahli akademik dan penyelidik sebagai sumber kajian sosial. Selain itu, ia juga sesuai untuk ibu bapa dan guru-guru bagi memahami dilema generasi milenium. Isu-isu yang dikupas mampu memberi perspektif baharu kepada masyarakat.

Pengulas:

**Mohamad Syahrul Nizam B Md. Ishak**  
Penolong Pustakawan  
Bahagian Perancangan Strategik dan  
Antarabangsa  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



RAMLI DOLLAH  
MOHAMMAD FAIZAL RASHID  
EKO PRAYITNO JOKO  
**Sabah Dalam Hubungan Malaysia-Indonesia**  
Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti  
Malaysia Sabah, 2019.  
ISBN: 9789672166252

## ULASAN

Buku "*Sabah Dalam Hubungan Malaysia-Indonesia*" mengupas mengenai persoalan perhubungan dua hala antara Malaysia-Indonesia yang berfungsi negeri Sabah sebagai konteks utama. Buku ini memberikan kajian dan pendapat mengenai perhubungan yang telah terjalin sejak dahulu. Selain itu, ia juga menceritakan kepelbagaian perbincangan, fakta atau pertukaran idea yang berlaku secara lisan. Bukan sekadar memfokuskan kepada fakta perhubungan dua hala, buku ini juga menawarkan kajian yang bersifat unik dan menarik untuk dibaca oleh semua golongan masyarakat. Walaupun terdapat beberapa konflik dan masalah yang terjadi dalam hubungan dua hala ini, isu tersebut hanyalah sebahagian daripada peristiwa yang terdapat dalam hubungan kedua-dua buah negara ini. Diharapkan semua pembaca dapat sedikit manfaat yang mampu memberikan penjelasan terutamanya kedudukan Sabah dalam memahami hubungan Malaysia-Indonesia.

Banyak perkara yang boleh dikaitkan apabila berbincang mengenai hubungan Malaysia dan Indonesia. Perkara yang paling istimewa yang hampir tidak ada dalam hubungan Malaysia dengan negara-negara lain ialah soal bangsa serumpun dan persamaan budaya serta agama. Ia juga menjadi pengikat kepada hubungan dan juga pengimbang dalam setiap masalah yang timbul dalam hubungan dua hala. Ini dapat menjelaskan bahawa hubungan Malaysia-Indonesia bukanlah sesuatu yang asing kerana dua negara ini berjiran malah disatukan dalam terma keserumpunan. Keserumpunan ini dapat dilihat sebagai satu perjanjian dan pengikat hubungan antara dua hala. Hubungan ini dapat diteruskan dan mengalami proses yang semakin baik dari semasa ke semasa dengan menjadikan Sabah sebagai subjek utama dalam mendalami kepelbagaian pandangan dalam hubungan Malaysia-Indonesia.

Penulis telah menambahkan elemen menarik untuk dibaca oleh pembaca, Sabah mempunyai sebilangan penduduk Indonesia terutama dalam bidang pendidikan. Pendidikan anak-anak Indonesia di Sabah yang dipanggil anak imigran oleh golongan Sabah tidak mendapat peluang untuk memperoleh pendidikan formal ekoran ketiadaan dokumen pengenalan diri yang sah bagi melayakkan anak imigran mendaftar di sekolah kerajaan. Akibatnya, ramai anak warga Indonesia di Sabah tercicir daripada persekolahan terlibat dalam pekerjaan di usia muda dan terjebak dalam masalah sosial. Penyisihan kanak-kanak daripada pendidikan boleh menjerumuskan mereka ke dalam masalah sosial dan jenayah juvana yang teruk. Justeru, penubuhan sekolah Indonesia Kota Kinabalu (SIKK) di Sabah dengan mengikuti silibus pembelajaran Indonesia menjadi satu hak asasi manusia yang perlu dipenuhi untuk mengelakkan golongan usia muda terjerumus ke lembah yang hina dan memberi harapan baharu untuk kanak-kanak imigran. Isu ini dapat dilihat melalui temuramah dari pelbagai golongan dan agensi serta pihak sekolah sendiri dalam mencari punca masalah yang berlaku dalam hubungan dua hala ini.

Selain itu, Indonesia merupakan salah satu negara yang menjadi sasaran Sabah untuk mengeksport petroleum dan besi kerana Indonesia tiada tempat untuk memperoleh petroleum mereka sendiri. Kerjasama ekonomi Malaysia-Indonesia


juga merupakan agenda yang penting dalam kelangsungan hubungan baik antara Malaysia-Indonesia yang dimasukkan ke dalam buku ini. Salah satunya, negeri Sabah mempunyai kedudukan geografi yang strategik iaitu bersempadan dengan Indonesia dan Filipina untuk mempunyai hubungan dua hala ini. Mengikut temubual dari Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah, petroleum dan besi termasuk dalam kategori perlombongan dan kuari. Aktiviti perlombongan merupakan aktiviti ekonomi utama dan penting yang melibatkan usaha-usaha meneroka dan cari gali seperti perlombongan petroleum, gas asli, bijih timah dan sebagainya. Bahan-bahan sumber mineral seperti ini dieksport ke Indonesia, hubungan Malaysia-Indonesia menjadi lebih erat dengan adanya pengaruh eksport ini. Hal ini, Sabah menjadi kepentingan untuk mendapatkan bahan-bahan sumber mineral. Ini menjadi gambaran kepada pihak kerajaan mengenai kepentingan perdagangan luar negara dalam peningkatan aktiviti ekonomi negara.

Hubungan Malaysia-Indonesia dicorakkan dengan kepelbagaian warna dan rasa yang dapat dilihat sebagai resipi hubungan adik-beradik yang telah terjalin lama. Walaupun banyak krisis yang terjadi dalam hubungan Malaysia-Indonesia, ia langsung tidak meninggalkan kesan yang mendalam kepada kedua-dua negara kerana atas dasar keserumpunan. Sabah banyak memainkan peranan dalam hubungan dua hala baik dari segi ekonomi, perdagangan, pendidikan atau kedudukan geografinya. Ini semua dapat membuktikan bahawa keserumpunan amat memainkan peranan yang penting dalam menjayakan hubungan dua hala ini.

Pengulas:

**Nor Hanni Nasha binti Mahmud**  
Penolong Pustakawan  
Bahagian Sumber Elektronik  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



ZABIDI MOHAMED  
**Catatan Penglipur Lara Sang Majistret**  
Petaling Jaya, Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd. 2016.  
ISBN: 9789830973746

## ULASAN

Buku ini mengisahkan sebahagian perkongsian pengalaman suka duka seorang Majistret yang dibukukan untuk dijadikan renungan dan pengajaran untuk pembaca. Buku ini mengandungi empat (4) cerita, semuanya berdasarkan pengalaman lucu namun penuh dengan pengajaran. Bermula dengan cerita semasa beliau dihantar ke Penjara Pudu untuk melihat sendiri bagaimana hukuman sebat dilaksanakan. Kisah dua (2) orang majistret wanita yang beria-ia hendak melihat hukuman sebat dilakukan Tetapi akhirnya terkejut kerana tidak menyangka pesalah yang dijatuhkan hukuman kerana merogol itu masuk ke bilik sebatan tanpa seurat benang.

Dari penjara Pudu ke Serambi Mekah pula. Di sana, beliau sering diketawakan oleh kakitangan mahkamah kerana tidak pandai menggunakan loghat Kelantan. Akhirnya beliau kemudian mengambil langkah proaktif untuk mengkaji dan belajar

loghat Kelantan dan bergaul dengan masyarakat setempat. Pelbagai kisah-kisah pengalaman beliau mengendalikan beberapa kes semasa bertugas di Kelantan,

antaranya beliau menceritakan bagaimana beliau mengendalikan kes kemalangan jalan raya. Kemalangan jalan raya yang mengorbankan ahli Jemaah tabligh yang baru pulang daripada menghadiri Ijtimak Jemaah Tabligh. Pemandu van tersebut adalah seorang pensyarah dari Kuala Lumpur. Apabila jurubahasa membacakan pertuduhan dan diminta mengaku bersalah atau hendak dibicarakan pensyarah itu menjawab “ saya mengaku pun tak nak, bicara pun tak nak. Ini semua kuasa Allah”. setelah dibacakan sekali lagi pertuduhan jawapannya tetap sama. Agak memeningkan karenah pensyarah ini, Tuan Zabidi akhirnya membuat keputusan untuk menangguhkan perbicaraan. Setelah tiga (3) kali ditangguhkan perbicaraan jawapan yang diterima masih sama. Pada kali kelima sebutan kes, pensyarah yang dahulunya datang ditemani ramai rakan-rakan, kini datang seorang diri dan hanya menaiki bas ekspres. Pada kali ini barulah beliau memilih untuk membuat rayuan. Pensyarah itu meminta untuk berjumpa Tuan Zabidi di dalam Kamar Majistret. Akhirnya dia mengalah dan mengakui telah banyak menghabiskan wang ringgit dan masa kerana terpaksa berulang alik dari Kuala Lumpur ke Kelantan. Kemudian Tuan Zabidi menjatuhkan hukuman denda RM500.00 dan penjara satu hari. Alangkah terkejutnya pensyarah berkenaan, katanya, jika dia tahu hukuman yang rendah pasti dari awal dia mengaku bersalah.

Selain dari kisah ini terdapat pelbagai lagi kisah lucu dan teladan antaranya, kes seorang makcik menyeludup beras siam. Setelah dijatuhkan hukuman, makcik yang berdiri di kandang pesalah sudah tidak kelihatan kerana telah pengsan. Penulis turut menceritakan kisah kejadian rompakan yang menakutkan tetapi lucu yang berlaku di rumah Setiausaha Menteri Besar Kelantan, Encik Ibrahim. Kejadian rompakan berlaku semasa Tuan Zabidi dijemput minum petang di rumah Encik Ibrahim. Pelbagai adegan yang mencemaskan berlaku pada masa itu, namun dengan kebijaksanaan beliau sebagai seorang majistret, beliau dapat menundukkan perompak tersebut. Rupa-rupanya perompak itu adalah penagih dadah yang lari dari buruan polis.

Pada pandangan pengulas, buku ini sekadar menjadi bahan hiburan semata-mata tetapi juga diselitkan dengan informasi dan nasihat serta diterapkan unsur-unsur dakwah untuk dijadikan iktibar dan muhasabah diri. Buku ini juga sangat sesuai bagi pembaca yang menggemari genre kisah benar. Cerita-cerita yang dipaparkan adalah kisah-kisah lucu yang mampu membuat pembaca geli hati namun diselitkan dengan pelbagai pengajaran.

Pengulas:

**Noor Sinasuriatie Binti Muhamad Alwi**

Penolong Pustakawan/Penyelia  
Perpustakaan Desa Zon A9, Perak  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



HAKIM HAMIDON  
**Memohon Petunjuk Dengan Solat Istikharah**  
Batu Caves, Selangor: Must Read Sdn Bhd, 2016.  
ISBN: 9789670716145

## ULASAN

Dalam menjalani kehidupan, manusia tidak lari dari menghadapi masalah. Setiap masalah yang dihadapi sama ada ringan atau berat perkara tersebut pasti ada jalan penyelesaiannya. Umat manusia hendaklah sentiasa berpegang kepada agama Islam yang mana melalui solat dan doa kepada Allah SWT akan dapat mententeramkan jiwa. Manusia perlu berusaha, bertawakal dan istikharah.

Buku berjudul Mohonlah Petunjuk Dengan Solat Istikharah hasil karangan Hakim Hamidon memberi panduan yang jelas dalam solat istikharah. Buku ini menerangkan langkah demi langkah dengan jelas berkaitan istikharah iaitu bermula dari hukum istikharah, tatacara dan adab semasa beristikharah. Penulis juga memberi rujukan daripada para sahabat Nabi Muhammad SAW bahawa sesiapa yang melakukan istikharah mestilah redha dan pasrah kepada penciptanya Allah SWT.



Penulis menyampaikan hasil tulisan dalam bentuk ilmiah yang ringkas. Oleh sebab itu, pembaca dapat lebih memahami dan faham setiap perkara yang disampaikan oleh penulis. Bahasa yang digunakan juga sederhana dan senang difahami tanpa menggunakan ayat kiasan. Penulis juga turut menyokong setiap perkara dengan ayat dari terjemahan Al-Quran dan Hadis daripada Nabi Muhammad SAW dan para sahabat nabi.

Antara isi penting yang dalam memohon petunjuk kebaikan adalah syarat-syarat semasa melakukan solat istikharah. Syarat pertama ialah hendaklah dilakukan dalam perkara yang masih belum jelas sisi kebaikan contohnya jodoh perkahwinan, pemilihan pekerjaan dan berpindah. Syarat kedua ialah hanya dilakukan untuk perkara yang harus bukan dalam perkara yang wajib. Ketiga adalah doa-doa yang dibaca semasa melakukan istikharah sebaik-baiknya adalah doa yang warid iaitu seperti yang diajar oleh Nabi Muhammad SAW. Namun kelonggaran diberikan kepada mereka yang tidak mampu menghafal lafaz doa. Mereka diharuskan membaca doa yang lain. Keempat ialah istikharah dilakukan dengan ikhlas dan penuh bergantung kepada Yang Maha Esa.

Penulis telah menjelaskan kepada pembaca untuk menyempurnakan solat istikharah yang sempurna, termasuk tatacara dalam solat berkenaan. Paling utama dalam solat ini adalah niat dalam melakukan sesuatu perkara. Mengambil wuduk dengan tertib, kemas dan tidak gopoh. Penjagaan wuduk yang baik dapat membantu dalam menghadirkan rasa tenteram dan khusyuk ketika bersolat. Lafaz niat mestilah dari lintasan hati beserta keiklasan hati. Selepas itu, barulah dimulakan dengan solat dua rakaat atau lebih dari dua (2) rakaat mengikut mazhab Syafi'. Istikharah perlulah dilakukan dengan keadaan yang tenang dan tidak tergesa-gesa dan perlu sentiasa berulang kali. Doa yang mujarab adalah doa dari hati. Istikharah berkait rapat dengan konsep redha. Oleh itu, sama ada seseorang itu mendapat mimpi ataupun tidak selepas melakukan solat istikharah ia tidak membawa sebarang perbezaan. Ini adalah salah satu usaha dalam memohon kepada Allah SWT. Pilihan yang tepat datang dari hati yang ikhlas dan berusaha bagi mencapai kejayaan.

Penulis memberi gambaran yang jelas berkaitan adab ketika beristikharah. Istikharah memerlukan perasaan yakin, faham dan kebergantungan yang tinggi kepada Yang Maha Esa. Melapangkan dada semasa memohon petunjuk dan pertolongan kepada Allah SWT. Pembaca juga diingatkan bahawa sebagai manusia perlulah menerima takdir qada dan qadar. Perasaan percaya dan yakin bahawa Allah SWT akan membantu hambaNya yang berdoa kepadaNya. Sebaik-baiknya kita memahami setiap makna doa yang dilafazkan.


Selain daripada menunaikan solat istikharah, penulis juga memberi penjelasan berkaitan istisyyarah. Perkara ini tertumpu kepada umat Islam yang buntu menyelesaikan masalah boleh meminta pendapat dan pandangan daripada mereka yang berpengalaman dan berilmu pengetahuan yang tinggi. Usaha beristikharah dan beristisyyarah mungkin nampak kecil namun ia membuahkan kesan yang besar dalam kehidupan. Penjagaan solat lima (5) waktu sehari dan tidak lupa ilmu pengetahuan seharusnya disusuli dengan amal perbuatan.

Pengulas mengesyorkan kepada pembaca yang meminati buku berkisar keagamaan dan yang menghadapi masalah agar membaca buku ini. Buku ini padat dengan ilmu beristikharah. Selain itu, buku ini sesuai dibaca oleh semua peringkat umur kerana cara penyampaian dan olahan yang mudah difahami. Pepatah Arab ada menyatakan “ilmu tanpa amal umpama pohon tanpa buah”.

Pengulas:

**Zaiintan Muhaiza Binti Zainuddin**  
Penolong Pustakawan  
Perpustakaan Desa Kg New Zealand  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



AMIRAH ANAS ANUAR  
**Menangani kesehatan cara holistik gastrik**  
Kuala Lumpur: SAM Synergy Media Sdn. Bhd., 2016.  
ISBN: 9789673718979

## ULASAN

Gangguan gastrik atau gangguan perut adalah rasa sakit akibat radang atau luka di perut. Gastritis berasal dari Bahasa Yunani, gastro (perut) dan itis (radang). Gastrik boleh menyerang setiap orang tanpa mengenal usia. Terdapat beberapa gejala umum gangguan gastrik iaitu perut terasa sakit, mual, senak (kembung dan sesak) pada bahagian atas perut (ulu hati). Namun, ada sesetengah penghidap disertai dengan gejala lain seperti nafsu makan turun secara mendadak, wajah pucat, suhu badan naik, keluar peluh sejuk dan selalu sendawa terutamanya ketika lapar.

Buku Menangani Kesehatan Cara Holistik Gastrik dihasilkan untuk mengatasi secara sendiri gangguan ringan melalui beberapa cara bermula dari mengambil minuman herba, melakukan urutan sederhana pada bahagian tubuh tertentu dan sebagainya. Panduan yang diberikan dalam buku ini dapat mengatasi gastrik dengan cara melakukan penyembuhan sendiri (self healing) melalui beberapa terapi yang mudah dipraktikkan untuk mengatasi gangguan yang dikategorikan ringan. Manakala untuk

gangguan yang lebih serius atau memerlukan terapi dengan tahap kemahiran khas, penulis menggalakkan untuk berbincang dengan doktor atau pakar.

Penulis menjelaskan punca terjadinya gastrik dan menggunakan istilah yang senang difahami pembaca. Gastritis biasanya berlaku ketika mekanisme pelindung dalam perut mulai berkurang sehingga mengakibatkan kerosakan dinding perut. Adanya kerosakan lapisan pelindung pada perut menyebabkan cairan perut yang berasid bersentuhan terus dengan perut sehingga menimbulkan radang. Kerosakan ini disebabkan oleh faktor seperti gangguan fungsi kerja perut, gangguan struktur anatomi seperti luka, penghakisan atau tumor, jadual makan yang tidak teratur, pengambilan alkohol atau kopi yang berlebihan, gangguan stres, merokok, penggunaan ubat penghilang sakit dalam jangka panjang dan secara terus-menerus, stres fizikal dan jangkitan bakteria *helicobacter pylori*.

Penulis juga melengkapkan buku ini dengan cara mencegah dan mengatasi gangguan gastrik, iaitu melalui diagnosis perubatan pada pemeriksaan awal, doktor akan menanyakan sejarah kesihatan, gaya hidup, gangguan/gejala yang muncul dan pemeriksaan fizikal. Pada keadaan tertentu juga, pesakit akan menjalani pemeriksaan tambahan, antaranya adalah endoskopi saluran pencernaan bahagian atas yang bertujuan untuk melihat ketidaknormalan pada saluran pencernaan bahagian atas yang mungkin tidak terlihat dengan x-ray. Gangguan gastrik boleh dicegah dengan mengamalkan perkara berikut iaitu makan teratur dengan hidangan ikut keperluan tubuh, tingkatkan kekerapan makan dengan hidangan kecil, mengambil makanan yang bergizi seperti sayuran segar, bijirin, buah segar dan jus buah. Di samping itu, pesakit perlu menghindari makanan bercita rasa dan bersifat tajam seperti pedas, masam, lemak, minuman kafein dan beralkohol, hindari stres dan fikiran tegang serta minum ubat-ubatan untuk perut yang disarankan oleh doktor.

Kelompok pembaca yang gemar akan penyembuhan gangguan ringan secara semula jadi pasti akan tertarik dengan kandungan buku ini kerana terdapat terapi pelengkap iaitu terapi semula jadi yang bermaksud untuk membawa tubuh mengubati diri sendiri. Ini disebabkan, tubuh manusia dipercayai memiliki

kemampuan untuk menyembuhkan dirinya sendiri. Namun begitu, terapi ini tidak bermaksud untuk menggantikan terapi dari doktor, tetapi merupakan terapi yang boleh dilakukan sendiri atau dengan bantuan seorang pengamal. Antara jenis terapi tersebut adalah akupuntur iaitu dengan cara menusukkan jarum ke titik-titik tertentu di tubuh pesakit. Akupuntur jari iaitu menggunakan jari tangan atau benda keras yang tumpul sebagai pengganti jarum. *Jin Shin Jyutsu* pula sesuai digunakan bagi yang fobia dengan jarum akupuntur. Terapi ini diberikan hanya dengan memberikan sentuhan ringan pada titik-titik akupuntur di tubuh pesakit. Refleksologi kaki adalah cara rawatan yang dilakukan dengan merangsang pelbagai kawasan refleksi di telapak kaki yang mewakili atau berkaitan dengan pelbagai kelenjar organ serta tubuh yang lain. Untuk mengatasi gastrik, urutan adalah di kawasan refleksi perut dan serabut saraf perut.

Selain itu, bagi masalah gastrik yang disebabkan stres, aromaterapi menggunakan minyak tumbuh-tumbuhan boleh membantu mengurangi rasa sakit. Jenis minyak aromaterapi yang boleh menenangkan pencernaan adalah lemon, pala, adas, serai, buah pala, *lavender* dan *peppermint*. Reiki juga merupakan terapi yang boleh dilakukan untuk mengatasi gastrik yang berpunca dari stres. Reiki adalah satu bentuk penyembuhan menggunakan tenaga. Penyembuhan reiki umumnya dilakukan dengan meletakkan kedua belah tangan di atas bahagian tubuh pesakit yang memerlukan tenaga. Herba juga dapat membantu mengatasi gastrik. Antara herba tersebut adalah jus temulawak, jus dandelion, pisang batu, daun sireh, sikas, daun salam, plum jawa, bunga biduri, daun pegaga, rumput butang, tali puteri dan jus nanas. Tenaga bunga juga memiliki kesan penyembuhan yang dapat menghilangkan gastrik akibat stres. Edward Bach, seorang doktor ahli penyakit dan bakteria dari Britain adalah orang pertama yang tertarik menelitinya pada tahun 1930. Mekanisme penyembuhan dengan tenaga bunga makin terungkap setelah diteliti oleh Prof. Dame Diana Mossop pada tahun 1996. Tenaga bunga mawar putih bermanfaat untuk menguatkan semangat. Manakala, bunga kamelia bermanfaat untuk mengatasi stres dan migrain.

Antara isi yang dapat menarik perhatian pembaca adalah terdapat terapi nutrisi untuk mengatasi gastrik yang disertakan sekali dengan pelbagai resepi yang

menarik seperti jus kubis merah, kentang panggang sepanyol, laksa *seafood*, pizza asiatik, *jelly* halia dan laici dan stim ikan ala Bangkok untuk dicuba oleh pembaca. Di samping itu, penulis juga menyelitkan juga penyusunan makanan bagi penghidap gastrik atau ulser perut memandangkan penghidap gastrik tidak boleh makan sekaligus dalam jumlah yang banyak. Sumber nutrisi yang diperlukan untuk menghindari serangan semula gastrik di antaranya adalah serat, vitamin C, *flavonoid*, asid lemak Omega-3 dan makanan yang mengandungi probiotik.

Pengulas mencadangkan supaya buku ini dibaca oleh semua khalayak kerana buku ini memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai gangguan gastrik dan mempunyai maklumat lengkap yang merangkumi pengenalan, penyebab, gejala, terapi pelengkap untuk mengatasi gastrik dan terapi nutrisi mengatasi gastrik. Buku ini turut dilengkapi pelbagai terapi ramuan herba, resepi makanan dan terapi jus untuk mengatasi gangguan gastrik. Buku ini sesuai dibaca pada semua peringkat usia kerana cara penyampaiannya yang bersahaja dan penerangan yang senang difahami.

Pengulas:

**Faniza Akmal Binti Muhaiyiddin**

Penolong Pustakawan

Perpustakaan Desa Kampung Bukit Kerayong 1

Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



Shaharom T.M. Sulaiman / Mohammad  
Fazli Baharuddin  
**Perpustakaan Penggerak Peradaban**  
Shah Alam, Selangor: IM Books.  
Everything, 2016.  
ISBN: 97896714060

## ULASAN

Kewujudan perpustakaan bagi setiap manusia adalah sangat penting dan peranan perpustakaan telah terbukti menjadi pemangkin kepada kemajuan peradaban. Kemajuan peradaban sesuatu bangsa berlandaskan terhadap minat membaca masyarakat. Perpustakaan menjadi sistem pendidikan terkuat dan paling berkuasa dalam membina corak, ragam, bentuk dan kedudukan sesuatu bangsa. Sejarah perkembangan awal perpustakaan bermula kepada pembinaan *Baitul Hikmah* kepada perpustakaan di abad baharu yang diwarnai oleh teknologi moden, gajet, komunikasi dan juga lain-lain di mana terdapat banyak cabaran yang harus ditangani.

Buku berjudul *Perpustakaan Penggerak Peradaban* karya Shaharom T.M. Sulaiman dan Mohammad Fazli Baharuddin ini menggambarkan pengaruh perpustakaan dalam peradaban manusia di mana ilmu, buku, sarjana disatukan dan mewujudkan tradisi kecendekiawanan bangsa. Buku ini tidak berkisar

tentang peranan perpustakaan kepada masyarakat semata-mata tetapi ia turut melakarkan kehebatan pengaruh perpustakaan dalam pembinaan peradaban manusia. Apabila kita membaca buku ini, penulis seperti membawa kita menjelajah bersama-sama ke setiap perpustakaan yang sudah tentu mempunyai kehebatannya dalam membina tamadun dan peradaban manusia.

Buku ini telah dibahagikan kepada sepuluh (10) bab. Tiga (3) daripadanya telah ditulis oleh tokoh sarjana dan cendekiawan Malaysia yang tersohor. Di setiap bab, kita seperti dibawa mengenal bahawa wujudnya perpustakaan yang mempunyai kisahnya yang tersendiri dan kita akan merasakan bahawa kepentingan perpustakaan kerana di situ segala pengembaraan dan mendapatkan pengetahuan terjadi. Pembaca dapat memahami dan mudah membayangkan setiap perkara yang ingin disampaikan oleh penulis. Bahasa yang digunakan juga mudah dan ringkas tanpa menggunakan sebarang ayat yang sukar difahami. Penulis turut memberikan setiap fakta-fakta berdasarkan pengalaman sendiri.

Antara isi yang menarik perhatian pengulas ialah di bab tujuh (7) apabila penulis mencatatkan pengalaman dan keterpesonaannya terhadap Perpustakaan Iskandariah di Mesir. Ia seperti membawa pembaca turut merasai keasyikkan perasaan penulis yang tenggelam dalam lautan buku yang tersergam di celah-celah rak yang tersusun rapi sehingga beliau tidak tahu buku mana yang harus dibaca terlebih dahulu. Perasaan penulis dapat juga dirasai ketika pustakawan memberitahu waktu penutupan perpustakaan semakin hampir dan hati kecilnya terdetik seperti menyuruh tinggalkan beliau sendirian kerana masih asyik dalam pengembaraan beliau yang tenggelam dalam buku yang beliau baca karya Matthew Battles berjudul *Library: An Unquite History*. Melalui buku tersebut, penulis menggambarkan seolah-olah Battles membawanya ke dalam lautan ilmu perpustakaan yang terdedah kepada karya-karya pengarang dan pemikir besar dunia, sejarah perpustakaan Timur dan Barat, sejarah tulisan sehinggalah kepada peristiwa-peristiwa penting di mana ia menyedarkan bahawa perpustakaan adalah “jantung” peradaban manusia dan khazanah kebijaksanaan manusia yang cukup berharga.




Perpustakaan adalah sebuah dunia serba-serbi lengkap. Penulis menggambarkan perpustakaan sebagai pusat pembelajaran yang tidak hanya menyajikan kelengkapan koleksi buku, tetapi mampu membangkitkan rasa ingin tahu hingga tidak mudah mencapai tanda noktah.

Pengulas mengesyorkan kepada pembaca yang meminati bidang kepustakawanan, sejarah dan perpustakaan untuk membaca buku ini. Buku ini juga tidak hanya menyentuh pengaruh perpustakaan dalam peradaban manusia dan tradisi kececekiawanan bangsa, malah turut menyentuh memperkasakan kepustakawanan Islam yang memainkan peranan yang cukup besar sama ada dari segi meningkatkan kemahiran profesional, penguasaan bahasa-bahasa ilmu Islam dan meningkatkan jaringan kerjasama pustakawan. Penglibatan Malaysia dalam WCOMLIS (World Congress of Muslim Librarian Studies) menjadi platform terbaik untuk profesional maklumat terutamanya dalam dunia Islam berkongsi pengetahuan, pengalaman dan visi ke seluruh dunia.

Pengulas:

**Nor Azizah Binti Sabihin**  
Penolong Pustakawan  
Laman Ilmu Komuniti (MyLIKE) Kg Sg  
Kembong Hilir

## SINOPSIS BUKU



### **HOMOSEKSUALITI: TEORI, PENCEGAHAN & RAWATAN**

Negeri Sembilan: Penerbit  
USIM, 2019.

ISBN: 9789674406066

Isu homoseksualiti semakin meniti di bibir masyarakat. Ianya merupakan isu sejagat dan global yang harus diteliti dan dikaji dengan begitu mendalam yang melibatkan semua kepakaran perubatan, sosiologi dan pelbagai pihak lain. Buku ini mengupas isu homoseksual daripada pelbagai perspektif yang merangkumi perbincangan tentang fitrah semula jadi manusia dan fitrah songsang berdasarkan nas-nas yang jelas daripada ayat-ayat Al-Quran dan hadis. Isu kecelaruan gender, pendekatan dan rawatan kaunseling serta langkah pencegahan turut dikupas dari sudut pandangan agama Islam dan Barat. Ianya diterbitkan kerana melihat keperluan untuk memahami kewujudan golongan yang terlibat dalam isu homoseksual dan membantu mereka dengan menyediakan alternatif rawatan bagi membolehkan mereka keluar daripada jerat kehidupan sebagai homoseksual. Masyarakat seharusnya berganding bahu membantu golongan ini untuk pulih agar ia tidak menjadi runcing dan menjadi barah dikemudian hari.

## SINOPSIS BUKU




HALIM RAZALI  
**PANDUAN HALA TUJU  
AKADEMIK DAN KERJAYA  
SELEPAS SPM**

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa  
dan Pustaka, 2019.  
ISBN: 9789834917234

Buku ini sesuai dimiliki oleh mereka yang bergelar pelajar dan sedang merancang perjalanan kerjaya masing-masing. Setiap ibu bapa dan pelajar mempunyai impian untuk meneruskan pengajian sehingga ke universiti. Maklumat yang terkandung dalam buku ini mampu mendorong para pelajar untuk membentuk matlamat hidup demi mencapai cita-cita untuk belajar sehingga ke menara gading. Budaya membaca itu perlu dijadikan pegangan hidup kerana amalan tersebut menjadi perintis kepada kejayaan masa hadapan. Penulis turut berkongsi mengenai rahsia kejayaan dalam bidang akademik dan kerjaya terutamanya dalam menentukan hala tuju akademik serta kerjaya selepas sekolah menengah. Penulis buku ini menggunakan gaya penulisan yang mudah difahami dalam penghuraian fakta disokong oleh perbicangan yang baik yang berupaya menarik minat para pembaca dan pelajar untuk menjadikan buku ini sebagai bahan rujukan serta bimbingan.

## SINOPSIS BUKU



**JERAI GEOPARK:  
WARISAN GEOLOGI,  
GEOARKEOLOGI DAN  
BIOLOGI**

Pulau Pinang : Penerbit  
USIM, 2019.  
ISBN: 9789674613662

Jerai Geopark mempamerkan keistimewaan dan keunikan tersendiri daripada aspek warisan geologi, landskap, geoarkeologi, biologi dan budaya. Gunung Jerai dan kawasan sekitarnya yang berkeluasan 816 km persegi telah diisytihar sebagai Geopark Kebangsaan pada Julai 2017 dengan nama Jerai Geopark. Buku ini diterbitkan bagi mengetengahkan keunikan dan keistimewaan warisan yang terdapat di Jerai Geopark yang mewakili warisan geologi, geoarkeologi, biologi dan budaya. Warisan geologi di Jerai Geopark mendedahkan bukti geologi tertua negara (formasi Jerai) sama seperti yang terdapat di Langkawi Geopark (Formasi Machinchang) yang berusia sekitar 550 juta tahun dahulu. Warisan geoarkeologi Jerai Geopark pula mendedahkan tamadun Kedah Tua yang bermula sejak 582 sebelum Masihi. Buku ini menceritakan hubung kait penting antara masyarakat tamadun awal dengan landskap geologi Jerai. Naskah ini ditulis berdasarkan sumber bertulis dan laporan kerja lapangan dan merupakan hasil kajian ilmiah pertama tentang Jerai Geopark. Kekuatan buku ini adalah berdasarkan kesahihan sumber yang digunakan serta dilengkapi rajah dan jadual bagi memudahkan pemahaman pembaca.

## SINOPSIS BUKU



TEO KOK SEONG  
**BAHASA DAN MASYARAKAT**  
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa  
dan Pustaka, 2019.  
ISBN: 9789834920159

Buku ini menggarap dan merungkaikan penggunaan Bahasa dalam konteks sosial. Pendekatan ini dianggap penting kerana penggunaan bahasa yang sebegini bukan sahaja asas utama kepada semua kegiatan manusia, konteks sosial bahasa juga merupakan maklumat premier tentang masyarakat yang kompleks sifatnya. Melalui pembacaan buku ini masyarakat akan sedar mengenai hakikat bahasa dalam konteks sosialnya. Kesemua isu dalam buku ini membicarakan penggunaan bahasa sebagai fenomena sosial untuk memperlihatkan hubungan erat antara bahasa dengan masyarakat. Hal ini dilakukan dengan meneliti peranan bahasa dalam pembentukan masyarakat dan cara masyarakat menggunakan bahasa. Melalui dua penelitian ini hubung kait antara bahasa dengan masyarakat terserlah dengan jitu dalam buku ini.

## SINOPSIS BUKU




**SITI AMINAH ISMAIL**  
**TIDAK MISKIN DENGAN**  
**SEDEKAH: THE POWER OF**  
**GIVING**

Johor Bahru, Johor: Pustaka  
Azhar, 2019.

ISBN: 9789670156057

Bagaimana dengan bersedekah mampu membuat kita semakin kaya sedangkan ianya dilihat tidak selari dengan prinsip ekonomi moden. Apabila membaca buku ini ianya memberi perspektif yang cukup berbeza mengenai ibadah sedekah. Semakin banyak yang dikeluarkan semakin bertambah pendapatan dan semakin dimurahkan rezeki. Buku ini membicarakan mengenai keajaiban dan mukjizat sedekah khususnya dalam meningkatkan kekayaan dan kebahagiaan dalam kehidupan seharian. Buku ini turut menjelaskan hubung kait antara sedekah dan rezeki dalam satu rumusan matematik sedekah. Selain itu, penulis turut menyentuh mengenai mukjizat sedekah dalam menghindari penyakit dan memanjangkan usia. Diharap pembaca semakin berkobar untuk sentiasa istiqamah dalam meneruskan ibadah sedekah dalam kehidupan harian.

## SINOPSIS BUKU



**KHADHER AHMAD**  
**SIHIR: PERBUATAN, RAWATAN  
DAN PENCEGAHAN**

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa  
dan Pustaka, 2019.  
ISBN: 9789834907334

Perbuatan dan amalan sihir merupakan salah satu bentuk dosa besar yang sangat dilarang dalam Islam. Buku ini merupakan sebuah buku yang diterbitkan dengan memberikan fokus perbincangan terhadap satu penyakit rohani yang sering berlaku dalam masyarakat iaitu sihir. Amalan sihir ini telah menjadi amalan semenjak dari zaman kenabian sehingga kini. Perbincangan dalam buku ini menyentuh tentang hakikat sihir sebagai dosa besar, pemahaman tentang sihir dalam kalangan masyarakat, kesan sihir kepada anggota masyarakat, usaha untuk membentengkan diri atau mencegah diri daripada terkena sihir dan rawatan terhadapnya. Penulis juga turut menjelaskan tentang keperluan undang-undang dalam jenayah sihir yang sehingga ke hari ini masih menjadi polemik yang tidak berkesudahan dalam merealisasikannya. Diharap melalui buku ini dapat memberikan pemahaman yang benar dalam membantu masyarakat untuk lebih memahami isu sihir dan selok-belok berkaitannya dengan lebih mendalam.

## SINOPSIS BUKU




**Berani Berhijrah**  
Al-Hidayah House of Publishers  
Sdn. Bhd., 2019.  
ISBN: 9789674393335

Masa lalu penuh dengan kenangan yang tidak akan sesekali kembali, sementara masa depan mengandungi harapan yang masih menjadi misteri. Kau boleh menghabiskan masamu dengan menyesali apa yang telah lalu atau meneka-neka apa yang akan datang tetapi itu bermakna kau sedang melupakan masa kini. Kau adalah apa yang kau lakukan sekarang. Yang sudah berlalu, biarlah berlalu, tetapi yang akan datang masih boleh lagi dibuat persiapan. Semua orang inginkan perubahan. Semua orang inginkan masa depan yang cerah. Sayangnya, bukan semua tahu kunci utama. Kunci utama di dalam mencapai ini semua adalah dengan hijrah. Buku ini mengandungi 99 catatan kecil penulis semasa berusaha bebas daripada masa lampau yang sukar dengan pelbagai jenis tekanan yang menghimpit. Coretan penulis di dalam buku ini mengajak pembaca agar dapat menjadi peribadi yang penuh dengan cinta. Mahu memaafkan dan melupakan kebencian. Mahu melepaskan dan enggan mempertahankan.




## SINOPSIS BUKU



GEORGE JESSEL  
**Finding Jesselton**  
Sabah: Training Opus  
Publications Sdn. Bhd., 2018.  
ISBN: 9789833987603

Finding Jesselton is about the author search in discovering on why a historical trading post in the South China Seas was so intriguingly once named after his great-grandfather, Sir Charles James Jessel. Therefore, the author had decided to make a great effort and try to put down in print some of the Jessel family history, as it relates to Jesselton, which never seems to have been recorded either by the family or in history books of the time. This is because, the author late great-grandfather always destroyed, or burned all their private correspondence as it might be incriminating later in their life. This book and its photographs are meant only to be the author personal version of side as the Jessel lives and how the story relates to the naming of a muddy creek on the West Coast of North Borneo.


## SINOPSIS BUKU



CHEF HANIELIZA  
**77 Resipi Bakar & Kukus**  
Selangor: PTS Publications &  
Distributors Sdn. Bhd., 2019.  
ISBN: 9789674813130

Buku ini menampilkan Chef Hanieliza menyajikan hidangan yang dimasak dengan cara membakar dan mengukus, iaitu cara memasak yang lebih sihat kerana tidak menggunakan minyak yang banyak. Pada era yang mana kesedaran tentang kesihatan meningkat, cara penyediaan makanan juga turut berubah. Namun, ada yang berkata, masakan yang dibakar ataupun dikukus tidak seenak yang digoreng ataupun ditumis. Ini adalah tidak benar. Melalui resipi dan panduan memasak yang betul, kita boleh menjamukan hidangan bakar dan kukus yang sedap sehingga menjilat jari. Harapan penulis adalah bagi membantu pembaca untuk merealisasikan impian memasak secara sihat.

## SINOPSIS BUKU



MOHAMAD ZAINI SULEIMAN  
**Ikan Pelaga : Khazanah Unik  
Nusantara**  
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa  
dan Pustaka, 2019.  
ISBN: 9789834922030

Banyak dalam kalangan peminat ikan hiasan telah menyedari bahawa ikan pelaga liar merupakan spesies yang sangat bernilai tinggi dan istimewa kerana hanya boleh didapati di Nusantara. Ikan pelaga merupakan sejenis ikan kecil yang agresif, tahan lasak dan mampu mengadaptasikan diri untuk hidup dalam pelbagai habitat seperti sungai, air terjun dan paya termasuklah air masam paya gambut yang berwarna coklat kehitaman. Kepelbagaian warna, tabiat pembiakan dan ketahanan terhadap sekitaran merupakan keunikan ikan yang sering kali menjadi daya tarikan kepada peminatnya. Buku ini mempersembahkan maklumat mengenai beberapa spesies utama ikan pelaga liar dengan penekanan diberikan terhadap aspek pemeliharaan, penangkapan, pembiakan dan pemuliharaan secara lestari. Keistimewaan buku ini terletak pada paparan fotonya yang menarik, bertujuan untuk mengangkat keunikan spesies ikan pelaga tempatan, di samping menyediakan maklumat yang sangat berguna kepada peminat tegar mahupun golongan yang baharu ingin melibatkan diri dalam penternakan dan pembiakan ikan ini, bak kata pepatah 'Tak Kenal Maka Tak Cinta'.


## SINOPSIS BUKU



TAN SIEW POH  
ABDULLAH YUSOFF  
YUSMIZA HANIM YUSUF  
**Panduan Penulisan Ilmiah :  
Laporan Penyelidikan, Kajian  
Tindakan dan Tugas  
Akademik**  
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa  
dan Pustaka, 2019.  
ISBN: 9789834920173

Panduan Penulisan Ilmiah: Laporan Penyelidikan, Kajian Tindakan dan Tugas Akademik merupakan buku panduan yang komprehensif kepada pelajar institusi pengajian tinggi untuk menghasilkan teks ilmiah yang bermutu. Penghasilan satu penulisan ilmiah yang baik amat sukar bagi pelajar baharu pada peringkat pengajian tinggi, yang tidak memahami konsep dan teknik sebenar penulisan ini. Buku ini terbahagi kepada 10 bab yang memberikan gambaran terperinci mengenai pelbagai teknik dan standard yang dikehendaki semasa menghasilkan teks ilmiah. Pelajar boleh membuat rujukan kepada mana-mana bab yang sesuai untuk memudahkan usaha menyiapkan tugas akademik dalam bentuk laporan kajian tindakan atau laporan penyelidikan.

## SINOPSIS BUKU




WAN JULIANA WAN AHMAD  
**Flora Bakau Malaysia :  
Sistem Maklumat  
Kepelbagaian Biologi  
Malaysia**

Bangi: Penerbit Universiti  
Kebangsaan Malaysia, 2018.  
ISBN: 9789674127275

Buku ini mengandungi data dan maklumat yang terkini tentang kekayaan spesies flora bakau di Malaysia yang dipersembahkan secara jelas dan menarik. Gambar-gambar yang terbaik telah dipilih untuk menyerikan halaman buku ini, lengkap dengan kod QR maklumat tambahan di laman sesawang *Malaysia Biodiversity Information Sistem* (MyBIS). Tujuan laman sesawang ini adalah untuk menjadikan pusat repositori yang merangkumi maklumat kepelbagaian biologi di Malaysia. Penerbitan Flora Bakau Malaysia adalah salah satu usaha kementerian untuk mendokumenkan spesies tumbuhan bakau yang ditemui di Malaysia. Buku ini juga merupakan sebahagian usaha kementerian untuk meningkatkan kesedaran awam tentang kepentingan hutan bakau, sebagai pertahanan pertama pantai terhadap badai, gelombang dan pasang surut, serta tsunami. Keunikan ekosistem hutan bakau boleh menarik ramai orang untuk tujuan pendidikan, rekreasi dan ekopelancongan.

## SINOPSIS BUKU



**SPAHIC OMER**  
**The History and**  
**Architecture of Al-Masjid Al-**  
**Haram**

Kuala Lumpur: Institut  
Terjemahan & Buku Malaysia,  
2018.

ISBN: 9789674607852

This book deals with the themes of the history and architecture of al-Masjid al-Haram. The time-frame covered in the book is one commencing with Prophet Adam and ending with the first half of the era of the Ottoman Turks. The importance of the book lies in the fact that the history of al-Masjid al-Haram in many ways embodied the history and development of Islamic civilization. Moreover, on account of al-Masjid al-Haram phenomenon being an architectural and institutional marvel, a structure and an architectural space, it likewise embodied and reflected, to a large extent, the history and evolution of the identity of Islamic architecture.

## SINOPSIS BUKU




SYED MAHAZIR BIN SYED  
IBRAHIM

**Menyingkap Kenikmatan dan  
Keindahan Syurga**

Selangor : Hijjaz Records  
Publishing, 2019.  
ISBN: 9789675391958

Syurga secara bahasa bermakna kebun (al-bustan) atau kebun yang di dalamnya terdapat pepohon. Bangsa Arab juga biasa menggunakan kata al-jannah untuk menyebut pohon kurma. Secara istilah, syurga ialah nama yang umum mencakupi sebuah tempat yang telah dipersiapkan oleh Allah SWT bagi makhluk yang mentaatinya, di dalamnya terdapat segala macam kenikmatan, keindahan, kelazatan, kesenangan, kebahagiaan, dan kesejukan pandangan mata. Syurga juga disebut dengan berbagai nama. Keindahan dan kenikmatan di syurga tidak dapat digambarkan oleh akal manusia fana. Pelbagai kisah tentang syurga sering diceritakan dalam berbagai surah Al-Quran, sebagai tempat keabadian berupa jannah yang terdapat sungai yang mengalir di bawahnya. Sesungguhnya, syurga adalah negeri kemuliaan yang abadi iaitu negeri yang penuh dengan kenikmatan dan keindahan maha sempurna.

## SINOPSIS BUKU



**Practical Applications of  
Blended Learning :  
Teaching and Learning for  
Higher Education**

Kuala Lumpur: University of  
Malaya Press, 2019.  
ISBN: 9789672158110

Rapid advancements in technology is disrupted the way education is delivered. Progressive learning approaches which may require a transformation of the culture of teaching and learning are required to motivate and engage the 21<sup>st</sup> century learners. Blended learning, which combines face to face instruction with technology-mediated instruction is one of the models used in higher education for this information. Practical applications of Blended Learning: Teaching and Learning for Higher Education is a compilation of learning approaches and pedagogical models with blended learning, which has been implemented in higher education. The chapters in this book covers themes related to engaging and motivating learners, instructional models for blended learning, and technology tools for instruction.




## SINOPSIS BUKU



TENGGU INTAN MARLINA  
TENGGU MOHD  
**Teori dan Kaedah Aplikasi  
Dalam Karya**  
Kuala Lumpur: Institut  
Terjemahan & Buku Malaysia,  
2017.  
ISBN: 9789674607289

Buku Teori dan Kaedah Aplikasi Dalam Karya merupakan buku yang pertama kali diterbitkan secara khusus untuk melihat bagaimana teori dan pendekatan tertentu digunakan untuk menganalisis karya sastera. Terdapat 19 bab berkaitan teori dan pendekatan yang boleh didapati dalam buku ini, iaitu semiotik, hierarki keperluan manusia, intertekstualiti, adaptasi, realisme magis, ilmu sosial, estetika, filologi, konflik, ginokritik, puitika sastera Melayu, neo-nostalgia, konseptual kata kunci, takmilah, adab, dan diplomasi Islam. Semua bab-bab di dalam buku ini ditulis oleh ahli akademik yang terdiri daripada pensyarah universiti. Buku ini sangat bermanfaat untuk para pelajar ijazah sarjana muda, ijazah tinggi, ahli akademi, pengkaji dan khalayak sastera.


## SINOPSIS BUKU



SYED MAHADZIR SYED IBRAHIM  
**Misteri Tamadun Melayu yang  
Hilang: Empayar Lemuria**  
Selangor : Hijjaz Records Publishing,  
2019.  
ISBN: 9789675391927

Lemuria adalah sebuah tamadun yang hebat dengan kepakaran dalam seni bina yang canggih, sezaman dengan tamadun Atlantis. Tamadun Lemuria dikatakan milik bangsa Melayu yang wujud berlokasi di kepulauan Nusantara suatu ketika dulu. Namun, sehingga kini tamadun Lemuria terus lenyap bersama sejarah bangsa Melayu yang gemilang, seolah-olah sengaja ditutup. Buku Misteri Tamadun Melayu Yang Hilang- Empayar Lemuria, bukan sahaja membongkar misteri kehilangan Empayar Lemuria tetapi turut mendedahkan kegemilangan bangsa Melayu suatu ketika dulu yang kini telah ditutupi dan cuba dilenyapkan dari pengetahuan generasi kini. Bangsa Melayu merupakan bangsa yang hebat suatu ketika dulu. Bangsa Melayu merupakan pelaut, pedagang, pelayar, pengambara, pahlawan dan sebagainya telah dilupakan oleh sejarah.


## SINOPSIS BUKU



WAZIR JAHAN KARIM  
**Boria : From Passion Play to  
Malay-Jawi Peranakan Parody**  
Selangor: Pelanduk Publication,  
2019.  
ISBN: 9789674940034

This book provides fascinating insights into this unique self-critical representation of political culture and its survival strategies over centuries of debate, if indeed Muslims should be engaged in a song and dance over conflicts in faith, culture and tradition. The writer presents the boria through centuries of change and transformation in its built environment in the world heritage city of George Town and promoted as a state heritage theatre in its natural cultural landscape: the Ashurkhana, the birthplace of the boria, as well as historic streets, urban villages and parks. She also embarks on the concept of an innovative café theatre built environment where boria theatre can be returned to the streets and be tested as art food.


## SINOPSIS BUKU



ISMAIL EMBONG &  
ZAINAL KLING  
**Wajah Warisan Malaysia**  
Kuala Lumpur: ITBM, 2018.  
ISBN: 9789674608064

Buku ini menghimpunkan lukisan karya Ismail Embong yang telah lama menempa nama di persada seni lukis tanahair. Lukisan yang diketengahkan lebih kepada wajah-wajah yang menjadi warisan setiap negeri di Malaysia. Setiap cerita yang ditulis adalah hasil dari pemerhatian dan pengembaraan penulis sendiri. Setiap negeri mempunyai keunikan, keindahan seni dan budaya yang tersendiri lalu dikumpulkan kesemuanya dalam buku ini bagi memberi pendedahan kepada umum berkaitan sejarah dan budaya etnik – etnik dari seluruh Malaysia. Keindahan wajah – wajah etnik ini dapat menggerakkan daya cipta peribadi dan kemahiran lazim untuk membina bentuk perumahan, busana, dan segala bentuk kerajinan tangan serta permainan tradisi. Penerbitan buku ini juga sebagai satu usaha untuk membentuk bangsa menjadi lebih kreatif dalam melayari aliran masa dan visi agar terus maju ke hadapan.


## SINOPSIS BUKU



DR. NURUL KHAIRIYAH  
KHAIRUDDIN  
**Ummi ONCALL Lagi**  
Kuala Lumpur: Kasi Terbit.,  
2017.  
ISBN: 9789671387757

Buku bertajuk 'Ummi ONCALL Lagi' merupakan buku berkonsepkan anekdot yang berdasarkan pengalaman penulis sebagai seorang doktor pakar sakit puan dalam bidang perbidanan. Terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh para wanita terutamanya bagi ibu – ibu yang hamil dan selepas bersalin. Penulis berkongsi pengalaman beliau merawat pesakit dengan beberapa panduan yang boleh kita ikuti bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi berkaitan sakit puan. Buku ini juga menggunakan istilah – istilah perubatan bagi memberitahu pembaca mengenai situasi yang sering digunakan dalam bidang perubatan sakit puan. Penulis juga berkongsi maklumat mengenai perkara yang perlu diamalkan dan tidak dalam perubatan sakit puan terutama semasa dalam tempoh berpantang. Gaya bahasa yang disampaikan oleh penulis sangat santai dan mudah difahami. Buku ini sangat sesuai dan digalakkan untuk semua para wanita membaca terutamanya bagi yang sedang hamil dan selepas bersalin.


## SINOPSIS BUKU



**ADLINA MN**  
**Diari Hartanah**  
**#ladybossproperty**  
Kajang, Selangor: AMN  
Media Creative., 2019.  
ISBN: 9789671681213

Buku ini merangkumi panduan berkaitan pembelian dan pelaburan hartanah serta juga pengalaman penulis sendiri selaku agen hartanah yang berpengalaman lebih 11 tahun dalam segmen hartanah terutamanya hartanah lelong. Gaya bahasa yang disampaikan oleh penulis sangat santai dan mudah difahami bagi pemula dalam bidang hartanah. Buku ini mengandungi nota – nota hartanah peribadi, pengalaman jatuh bangun dalam hartanah, strategi peribadi dalam pelaburan, sewaan, pemilihan kawasan & bidaan hartanah lelong. Nota – nota yang dikongsikan oleh penulis adalah hasil dari catatan miliknya sendiri dan dibukukan untuk rujukan kepada semua. Selain itu, terdapat pengetahuan dan tafsiran umum sesetengah istilah dalam hartanah dan kewangan di dalam buku ini. Satu panduan yang sangat berguna dan sesuai untuk yang baru berjinak – jinak dalam pelaburan hartanah.


## SINOPSIS BUKU



ROSELINA AHMAD SAUFI,  
LEE SEONG WEI &  
MARTINA IRWAN KHOO  
**Industri Rumpai Laut  
Malaysia**  
Kota Bharu, Kelantan:  
Penerbit UMK, 2018.  
ISBN: 9789672229155

Industri rumpai laut merupakan satu bidang yang telah lama bertapak di Malaysia dan berpotensi besar kerana kedudukan negara kita yang berada di dalam Segi Tiga Batu Karang yang sesuai untuk pertumbuhan rumpai laut. Buku ini bertujuan untuk dijadikan panduan atau rujukan kepada masyarakat umum di Malaysia, terutamanya ahli akademik, pelajar dan pengusaha rumpai laut. Kandungan buku ini menerangkan asas – asas dan kaedah dalam amalan penanaman rumpai laut yang lebih komprehensif dan mesra alam. Selain itu, teknologi lepas tuai, kaedah pemasaran, permasalahan, cabaran dan kekuatan industri rumpai laut di Malaysia juga menjadi fokus perbincangan dalam buku ini. Selain itu, dijelaskan juga potensi tanaman rumpai laut tempatan bagi menarik minat generasi baharu untuk menerokai bidang tersebut. Penyelidikan, aplikasi serta pengkomersialan tanaman rumpai laut adalah penting untuk melestarikan industri yang semakin mendapat perhatian di peringkat global. Isu dan langkah penyelesaian yang dijelaskan di dalam buku ini dapat merangsang pertumbuhan industri rumpai laut melalui penglibatan warga tempatan.

## SINOPSIS BUKU



WAN KHAIRY WAN IBRAHIM &  
MOHD RAFI YAACOB

**Strategi Pengurusan Rumah  
Burung Walet : Pengalaman  
Usahawan Berjaya**


Kota Bharu, Kelantan: Penerbit  
UMK, 2016.

ISBN: 9789670955889

Industri sarang burung walet di Malaysia mempunyai potensi yang sangat besar untuk dimajukan kerana kedudukan negara kita yang strategik dan menjadi tumpuan populasi burung walet dari seluruh dunia. Buku ini merangkumi beberapa persoalan asas dan penting dalam industri sarang burung walet seterusnya mencetuskan satu kesedaran kepada penduduk negara ini untuk mengambil peluang di atas anugerah dan sumber yang kita miliki. Selain itu, buku ini juga berkaitan dengan kos pembinaan rumah burung walet dan keterlibatan usahawan sarang burung walet. Huraianannya lebih kepada satu penelitian dan kesimpulan terhadap kerja lapangan yang telah dilakukan terhadap usahawan yang berjaya. Terdapat banyak faktor yang perlu diambil kira dalam pengurusan rumah burung walet di mana ia merangkumi aspek pemilihan lokasi, aspek mikro habitat dan ilmu teknikal yang digunakan dalam industri ini.



## SINOPSIS BUKU




FARIZAH MOHD HAIRI, CHOO  
WAN YUEN & NORAN NAQIAH  
HAIRI

**Panduan Penjaga Warga Emas**  
Kuala Lumpur: Penerbit Universiti  
Malaya, 2019.

ISBN: 9789674880767

Buku ini merupakan buku panduan yang bermatlamat untuk memberi pengetahuan dan pendedahan mengenai penjagaan warga emas yang dirangkumkan dalam satu modul yang komprehensif yang boleh digunakan secara umum kepada penjaga warga emas. Penjagaan yang diberikan adalah berbentuk formal (institusi) dan tidak formal (dalam keluarga atau komuniti). Semua penjagaan boleh memberikan kesan kepada penjaga dari aspek fizikal, emosi dan sosial. Mendidik penjaga merupakan salah satu usaha dalam berk komuniti dan bermasyarakat kerana mereka juga layak untuk hidup bahagia, sejahtera dan berkeadilan. Buku ini sangat bagus dan berguna untuk penjaga warga emas dalam menimba dan memperluaskan ilmu berkaitan penjagaan warga emas dan membawa manfaat kepada penjaga warga emas di institusi kebajikan, keluarga dan komuniti serta pihak yang terlibat dalam memberi khidmat kesihatan dan kebajikan yang terbaik kepada warga emas.

## SINOPSIS BUKU



SAYYID MUHAMMAD  
ABDUL RAZAK  
SAYYID IBRAHIM  
ABDUL RAZAK  
AL-TABTABA'I  
**Mukjizat Rasulullah**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka,  
2019.  
ISBN: 9789834907402

Beberapa buah cerita yang menarik berkaitan dengan mukjizat Nabi Muhammad SAW dimuatkan dalam buku ini. Kisah-kisah ini dapat memberikan keyakinan kepada pembaca tentang kenabian baginda SAW berdasarkan sumber yang muktabar, iaitu al-Qur'an, hadith dan kitab-kitab sirah *turath*. Penceritaan yang baik disampaikan dalam buku ini dapat menyerlahkan keperibadian, keunggulan, ketokohan dan kebijaksanaan Rasulullah SAW.

Buku ini dibahagikan kepada tiga (3) fasal. Pertama merupakan pendahuluan yang memuatkan definisi, hikmat dan jenis mukjizat. Kedua adalah penceritaan mukjizat yang diterima oleh Rasulullah SAW sebelum dilantik menjadi Rasul. Sementara yang ketiga memuatkan beberapa kisah mukjizat Rasulullah SAW selepas menjadi Rasul.


## SINOPSIS BUKU



RASIMI LINGGANG  
**Bahasa Dusun Kimaragang**  
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa  
dan Pustaka, 2019.  
ISBN: 9789834922320

Buku ini menerangkan asal usul dan bahasa masyarakat Dusun Kimaragang di Sabah. Fokus utama buku ini ialah perkaitan antara bahasa Dusun Kimaragang dengan bahasa Melayu, asimilasi yang berlaku dalam bahasa etnik ini, serta proses morfologi, iaitu pengimbuhan awal, akhiran, apitan dan sisipan. Kajian tentang bahasa etnik di Sabah ini boleh dijadikan bahan rujukan kepada pengkaji dialektologi dan pelajar bidang linguistik. Pendekatan penulisan buku ini mudah difahami dan sesuai untuk sasaran pembaca umum.

## SINOPSIS BUKU




IDRIS AHMAD  
**Siri Usahawan Tani  
Akuakultur Ikan dan  
Udang**

Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2019.  
ISBN: 9789834915704

Buku ini mengandungi pelbagai maklumat khas untuk pengusaha yang ingin menceburi industri ini. Maklumat disampaikan berdasarkan pengalaman penulis sendiri dalam bidang akuakultur. Buku ini menerangkan dengan terperinci maklumat dan perkara-perkara penting dalam pengurusan dan penyeliaan berkenaan pembangunan tempat penetasan polikultur udang dan ikan air tawar.

Selain itu, kaedah pengurusan kolam dan tangki, penyediaan tapak ternakan, pengurusan benih, kawalan penyakit dan musuhnya juga dibincangkan. Begitu juga dengan penyediaan makanan yang bersesuaian serta sistem yang spesifik mengikut spesies ternakan termasuk juga kaedah penuaian hasil. Turut dinyatakan fakta berkenaan ciri-ciri ikan, udang, kitaran hidup dan kriteria yang diperlukan dalam penghasilan akuakultur ikan dan udang.

## SINOPSIS BUKU




WEI LEI HUM  
MOHAMAD HANIKI NIK MOHAMED  
**Rahsia Berhenti Merokok**  
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan  
Pustaka, 2019.  
ISBN: 9789834912888

Merokok ialah satu ketagihan nikotin yang kronik, malah telah menyebabkan perokok menderita diserang penyakit kronik sehingga ramai yang terkorban. Kebanyakan perokok mempunyai pengalaman untuk berhenti merokok, malangnya mereka menemui kegagalan dan menjadi perokok semula.

Buku Rahsia Berhenti Merokok, mengupas pelbagai isu berkaitan dengan ketagihan nikotin akibat tabiat merokok dan kaitannya dengan proses menghentikan ketagihan serta rawatan untuk membantu mereka berhenti dengan jayanya. Langkah proaktif yang diberikan oleh ahli profesional penjagaan kesihatan dalam membantu perokok melawan ketagihan. Pelbagai strategi dihuraikan yang mampu untuk meningkatkan motivasi perokok melawan ketagihan nikotin sehingga berjaya.


## SINOPSIS BUKU



USTAZ IBNU SELAMAT  
**Jangan Cuba-Cuba Tinggalkan Solat**  
Johor Bahru, Johor : Pustaka Azhar.,  
2019.  
ISBN: 9789670156019

Sembahyang itu tiang agama. Sesiapa yang mendirikan solat maka sesungguhnya dia telah mendirikan agamanya dan sesiapa meninggalkannya, maka sesungguhnya dia telah merobohkan agamanya. Antara isi kandungan buku yang menarik ini juga adalah enam (6) jenis seksa di dunia, tiga (3) seksaan ketika menghadapi mati, tiga (3) seksaan sewaktu di kubur, tiga (3) seksaan ketika bertemu Allah dan dosa serta balasan meninggalkan sembahyang lima (5) waktu.

## SINOPSIS BUKU



**MAT CONGO**  
**Peristiwa Berdarah Kalabakan**  
Kota Kinabalu, Sabah : Koperasi  
Bekas Angkatan Tentera Malaysia  
Sabah Berhad, 2019.  
ISBN: 979967616406

Peristiwa hitam Kalabakan yang berlaku pada 29 Disember 1963 masih segar dalam ingatan penduduk Sabah, terutamanya bekas anggota keselamatan yang terlibat mempertahankan bumi Sabah daripada dibolosi Tentera Nasional Indonesia (TNI). Peristiwa yang berlaku beberapa bulan selepas pembentukan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963 itu telah memperlihatkan buat pertama kalinya jalinan kerjasama yang padu antara anggota keselamatan gabungan dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Pada ketika itu, Batalion ke-3 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) dari Semenanjung, pasukan polis hutan, Sabah Home Guard dan penduduk kampung sekitar Kalabakan bersatu dan berjuang bermati-matian bagi mematahkan serangan penceroboh yang tidak berpuas hati dengan penyertaan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia. Peristiwa Kalabakan itu telah mengorbankan seorang pegawai dan tujuh anggota dari Batalion ke-3 RAMD manakala 18 anggota lagi cedera semasa mempertahankan pos tentera Kalabakan yang bersempadan dengan Kalimantan Timur, Indonesia.

